

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM II
NOVEMBER 2021

PERNIAGAAN
KERTAS 1
3766/1
1 JAM 15 MINIT
TINGKATAN 5

Nama : _____

Kelas : _____

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**. Sila isi jawapan pilihan anda pada kotak di halaman terakhir kertas soalan.

1. Aktiviti yang manakah bukan sebahagian daripada pengurusan ganjaran pekerja?
- A Penilaian prestasi
 - B Penetapan sasaran kerja
 - C Analisis keperluan latihan
 - D Pengurusan gaji dan upah

- Perjanjian yang termeterai antara pekerja dengan majikan.
- Tertakluk kepada akta atau undang-undang tertentu.

2. Pernyataan di atas berkaitan
- A Deskripsi tugas
 - B Spesifikasi tugas
 - C Keperluan pekerja
 - D Kontrak pekerjaan
3. Yang manakah peringkat dalam pembangunan pasukan?
- I. Pembentukan
 - II. Pertelingkahan
 - III. Kebiasaan
 - IV. Pelaksanaan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

4. Yang manakah situasi bagi pemberhentian pekerja?
- I. Pemberhentian secara sukarela
 - II. Pemberhentian secara tidak sukarela
 - III. Pemberhentian secara persetujuan bersama
 - IV. Pemberhentian secara psikologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

5. Antara berikut, yang manakah kemahiran kebolehterapan?
- I. Kelayakan bersesuaian
 - II. Minat yang mendalam
 - III. Pengaruh keluarga dan rakan
 - IV. Pengalaman dalam pekerjaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- Pengumpulan maklumat dan pengetahuan yang lebih luas kerana melibatkan gelagat pelanggan dan strategi pesaing.
- Pekerja yang berpengalaman akan membantu organisasi membuat keputusan strategik.

6. Pernyataan di atas berkaitan
- Pengetahuan daripada pendidikan
 - Pengalaman dalam industri
 - Keberkesanan peranan dalam mencapai sasaran perniagaan
 - Pengetahuan tentang barang dan perkhidmatan
7. Siapakah yang melaksanakan kegiatan pembinaan modul latihan dalam organisasi?
- Ketua Pegawai Eksekutif
 - Pengurus Sumber Manusia
 - Pengurus Pemasaran
 - Pengurus Kewangan
8. Siapakah memiliki jawatan tertinggi dalam organisasi?
- Ketua Pegawai Eksekutif
 - Pengurus Sumber Manusia
 - Pengurus Pemasaran
 - Pengurus Kewangan
- A Ketua Pegawai Eksekutif
B Pengurus Sumber Manusia
C Pengurus Pemasaran
D Pengurus Kewangan
9. Siapakah yang menguruskan sumber pembiayaan perniagaan?
10. Antara berikut, yang manakah jenis faedah kepada pekerja?
- Komisen
 - Bonus
 - Elaun
 - Upah
11. Pernyataan berikut yang manakah **tidak** benar?
- Semua usahawan berdaya kreatif
 - Usahawan perlu melabur dalam sumber fizikal
 - Usaha niaga tidak semestinya mempunyai sumber fizikal
 - Usahawan menggunakan sumber untuk keuntungan jangka panjang
12. Kemampuan sesebuah organisasi perniagaan bergantung pada
- Kemahiran pekerja mengendalikannya sumber fizikal
 - Kemampuan untuk membeli sumber fizikal dan teknologi maklumat
 - Keupayaan untuk menanggung risiko atas sumber fizikal yang dimiliki
 - Kebolehan menggunakan sumber fizikal dan teknologi maklumat secara optimum
13. Berikut merupakan langkah-langkah melindungi sumber fizikal dan teknologi syarikat, **kecuali**
- Membeli insurans
 - Pengurusan risiko
 - Menyelenggarakan mesin bila perlu
 - Melupakan mesin-mesin yang tidak digunakan lagi
14. Sumber fizikal perniagaan dapat dijanakan dan dikenal pasti melalui langkah-langkah yang berikut, **kecuali**
- Melihat persekitaran dari mana sumber boleh diperolehi
 - Melihat kemampuan diri dan persekitaran dalaman syarikat
 - Membeli sumber fizikal yang diperlukan sebelum memulakan perniagaan
 - Mengenal pasti trend penggunaan teknologi berkaitan dengan mesin dan peralatan
15. Antara berikut, yang manakah **bukan** sumber teknologi?
- Paten
 - Harta intelek
 - Kemahiran dan pengalaman

- D Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi
16. Berikut merupakan jenis risiko kerosakan dan kehilangan, **kecuali**
- A Risiko boleh diinsuranskan
 - B Risiko tidak boleh diinsuranskan
 - C Risiko yang tidak boleh diinsuranskan dan tidak boleh dikawal
 - D Risiko tidak boleh diinsuranskan tetapi boleh dikawal
17. Berikut merupakan jenis reka cipta yang boleh dipatenkan, **kecuali**
- A Prosedur
 - B Produk baharu
 - C Kebolehpasaran
 - D Produk sedia ada
18. Antara berikut, yang manakah **tidak** termasuk dalam harta intelek?
- A Paten
 - B Cap dagangan
 - C Hak pemilikan tetap
 - D Prosedur mendapat hak cipta
19. Berikut merupakan perkara yang termasuk dalam harta intelek, **kecuali**
- A warna
 - B muzik
 - C reka bentuk
 - D lukisan
20. Perkara manakah yang **tidak** termasuk dalam hak cipta terpelihara?
- A Arca
 - B Tesis
 - C Buku
 - D Idea kreatif

- Antara berikut, yang manakah sumber pembiayaan dalaman?

- Modal permulaan

22. Yang manakah sebab simpanan peribadi merupakan sumber pembiayaan yang popular pada masa kini?
- A Mudah diuruskan
 - B Liabiliti tidak terhad
 - C Jumlah dana yang besar
 - D Melibatkan obligasi pihak luar
23. Berikut ialah sumber pembiayaan luaran, **kecuali**
- A Penjualan saham
 - B Pinjaman perniagaan
 - C Rizab pendapatan tertahan
 - D Pinjaman daripada pihak luar
24. Kedai Jahit Ammer Zulfa telah menyewa 10 buah mesin jahit dengan pilihan untuk membeli mesin tersebut setelah tamat tempoh sewaan.
Apakah bentuk pembiayaan yang diterima Kedai Jahit Ammer Zulfa?
- A Pajakan
 - B Sewa beli
 - C Al-Rahnu
 - D Pemfaktoran
25. Berikut ialah pernyataan tentang overdraf. Pernyataan manakah yang benar?
- I Perkhidmatan yang diperoleh jika memiliki akaun semasa
 - II Kadar faedah yang rendah

- III Urusan permohonan yang rumit
- IV Disertakan perkhidmatan cek
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

26. Berikut ialah Skim 1Azam, **kecuali**

- A Azam Kerja
- B Azam Niaga
- C Azam Khidmat
- D Azam Kuari

27. Yang manakah skim pembiayaan yang ditawarkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)?

- I PROSPER Runcit
- II PROSPER Pemborong
- III PROSPER Niaga
- IV PROSPER Teras
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D I, III dan IV

- Pematuhan pada perjanjian pinjaman
- Membuat bayaran balik mengikut perjanjian

28. Apakah langkah atau prosedur mendapatkan pembiayaan seperti di atas?

- A Menghubungi pihak pembiaya
- B Menghantar laporan kemajuan projek
- C Menyediakan cagaran yang berkaitan

- D Menandatangani perjanjian dan dokumen yang berkaitan

29. Antara berikut, yang manakah justifikasi untuk memilih pembiayaan yang sesuai?

- I. Keperluan perniagaan
- II. Kemampuan pembiaya
- III. Faktor sosioekonomi
- IV. Dasar luar negara
- A I dan II

- B II dan III

- C III dan IV

- D I dan IV

30. Antara berikut, yang manakah perbelanjaan Modal Kerja mengikut jangka pendek?

- I. Belanja tidak langsung
- II. Belanja jualan
- III. Belanja am
- IV. Belanja kos

- A I, II dan III

- B I, II dan IV

- C II, III dan IV

- D I, III dan IV

31. Antara berikut, yang manakah maksud rancangan perniagaan yang paling tepat?

- A Dokumen yang komprehensif tentang perniagaan yang dijalankan

- B Dokumen perniagaan yang akan dijalankan

- C Dokumen perniagaan yang padat dan tepat

- D Kertas kerja perniagaan

32. Apakah tujuan rancangan perniagaan disediakan untuk pembiaya?

- A Mudah mendapat pinjaman daripada rakan-rakan

- B Mudah mendapat kepercayaan daripada pemegang saham

- C Mudah mendapat keyakinan pihak bank dan rakan kongsi yang ingin menyumbangkan modal

- D Mudah mendapat bantuan daripada pihak kerajaan
33. Apakah kegunaan rancangan perniagaan kepada usahawan?
- Menilai tahap risiko
 - Sebagai garis panduan dalam membuat keputusan
 - Mengawal aktiviti perniagaan
 - Polisi penentuan dasar jualan kredit
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
34. Perniagaan yang dimulakan oleh Encik Ramli memerlukan modal permulaan RM 100 000. Wang simpanan yang ada pada Ramli sebanyak RM50 000. Ramli ingin membuat rancangan perniagaan bagi memudahkan beliau menjalankan perniagaan nanti. Pada pendapat anda, apakah tujuan utama Encik Ramli menyediakan rancangan perniagaan?
- A Menjadikan garis panduan dalam membuat keputusan
B Sebagai daya tarikan pihak pembekal
C Mengesan risiko yang bakal dihadapi
D Sebagai syarat pihak bank ingin memberi pinjaman
35. Apakah kelebihan e-mel dalam urusan surat-menyurat?
- Cepat
 - Menjimatkan kos
 - Mesra pelanggan
 - Boleh diterima di mana-mana
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
36. Yang manakah merupakan elemen yang perlu dimasukkan dalam latar belakang perniagaan?
- A Aktiviti utama perniagaan
- B Modal perniagaan
- C Pengguna sasaran
- D Pengalaman berniaga
37. Yang manakah merupakan kaitan anggaran belanja pentadbiran dengan penyelia kewangan dalam rancangan perniagaan?
- A Anggaran belanja pentadbiran sebagai penentu jumlah pembayaran gaji
B Anggaran belanja pentadbiran satu elemen yang ada dalam bajet perniagaan
C Penyelia kewangan akan memberi peruntukan kewangan bagi menampung belanja pentadbiran
D Penyelia kewangan perlu menyediakan wang mencukupi pada masa akan datang
38. Yang manakah sebab pembayaran gaji pekerja dikatakan sebagai kos tetap dalam rancangan kewangan dalam menyediakan rancangan perniagaan?
- A Jumlah bayaran gaji sukar diturunkan
B Jumlah bayaran gaji adalah tetap mengikut tempoh
C Jumlah bayaran gaji tertakluk kepada kenaikan tetap setiap tahun
D Jumlah bayaran gaji adalah tetap dalam satu tempoh kerana tiada kenaikan gaji bagi sesuatu tempoh
39. Apakah tujuan menyatakan susun atur kilang dalam rancangan pengeluaran?
- A Menjimatkan kos ruang
B Mengelakkan kemalangan di kilang
C Mengoptimumkan penggunaan ruang kilang
D Menjadikan proses kerja berjalan lancar

40. *Perniagaan MSS Enterprise merancang untuk menjual makanan segera segar di Klang. Oleh sebab perniagaan ini menjual produk baharu, Perniagaan MSS Enterprise mengalami kekurangan modal sebanyak RM100 000. Perniagaan ini bercadang untuk membuat pinjaman dengan bank dengan dikenakan kadar faedah 6% dan tempoh bayar balik selama lima tahun.*

Hitungkan jumlah bayaran yang perlu dibayar dalam tempoh dua tahun pertama.

- A RM2 166.67
- B RM26 000.00
- C RM130 000.00
- D RM52 000.00

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

(
ANGELIA GOH MEI YING

(
SARKAWI KARIA